

D.R. 33/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "penggalakan latihan" perkataan "dan pembangunan"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "pekerja," perkataan "perantis dan pelatih,".

Rang Undang-Undang

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif "pekerja" takrif yang berikut:

' "pelatih" ertinya seseorang yang sedang menjalani program latihan amali di premis seseorang majikan;'; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "penyedia latihan" takrif yang berikut:

' "perantis" ertinya seseorang yang sedang menjalani latihan kemahiran dalam sesuatu bidang melalui kontrak perantisan dengan seseorang majikan dan terikat untuk bekerja dalam perkhidmatan majikan itu.'

Pindaan seksyen 3

4. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "penggalakan latihan" perkataan "dan pembangunan"; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan "pekerja" perkataan ", perantis dan pelatih".

Pindaan seksyen 4

5. Subseksyen 4(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pekerja" perkataan ", perantis dan pelatih".

Pindaan seksyen 20

6. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "penggalakan latihan" perkataan "dan pembangunan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "pekerjanya" perkataan "pekerja, perantis dan pelatihnya";

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pindaan)

- (b) dalam subseksyen (2) —
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "penggalakan latihan" perkataan "dan pembangunan"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "pekerjanya" perkataan "pekerja, perantis dan pelatihnya";
- (c) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan "pekerja" perkataan ", perantis dan pelatih"; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:
- "(6A) Walau apa pun subseksyen (5) dan (6), Lembaga boleh, atas permohonan bertulis kepada Perbadanan oleh mana-mana majikan yang disebut dalam subseksyen (5), membenarkan apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain diberi kepada majikan itu, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Lembaga."

Pindaan seksyen 22

7. Subseksyen 22(2) Akta ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "pekerja" perkataan ", perantis dan pelatih"; dan
 - (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "pekerjanya" perkataan "pekerja, perantis dan pelatihnya".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 ("Akta 612").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permuiaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Rang Undang-Undang

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 612 bagi menggalakkan seseorang majikan untuk melatih dan membangunkan sumber manusianya, termasuklah perantis dan pelatih yang dilatih di premis majikan itu. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dan industri berteknologi tinggi. Ia juga bertujuan untuk membolehkan seseorang majikan yang telah membayar levi untuk menerima bantuan kewangan atau faedah lain bagi maksud penggalakan latihan dan pembangunan perantis dan pelatihnya. Sebelum pindaan kepada Akta ini dibuat, majikan hanya boleh mendapatkan bantuan kewangan atau faedah lain untuk melatih pekerja sahaja.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 612 dengan memasukkan takrif baru ke dalam Akta.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 612 supaya matlamat utama Perbadanan selaras dengan pindaan yang berbangkit.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 612 supaya fungsi Perbadanan selaras dengan pindaan yang berbangkit.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 612 selaras dengan pindaan yang berbangkit. *Fasal 20* juga bertujuan untuk membolehkan seseorang majikan untuk mendapatkan apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain bagi melatih pekerja, perantis dan pelatihnya, jika terdapat permohonan bertulis daripada majikan itu, dan tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh ditetapkan oleh Lembaga, walaupun majikan itu mempunyai tunggakan levi atau tunggakan faedah atas levi. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi majikan terutamanya majikan Perusahaan Kecil dan Sederhana untuk memberikan latihan kepada golongan tersebut.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 612 supaya Kumpulan Wang dibelanjakan juga bagi maksud penggalakan, pembangunan dan peningkatan kemahiran perantis dan pelatih selaras dengan pindaan yang berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2544]